

09/05/1999

## Perunding kaji prosedur pembayaran

KUALA LUMPUR: Kerajaan melantik sebuah firma perunding untuk mengkaji prosedur pembayaran sektor awam dengan membuat perbandingan tempoh yang diambil oleh sektor swasta untuk menjelaskan bayaran kepada kontraktor dan pembekalnya.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata firma berkenaan diberi tempoh singkat antara dua dan tiga minggu untuk mengemukakan laporan bagi membolehkan langkah meningkatkan kecekapan sektor awam dilaksanakan segera.

Sebagai langkah berkaitan, beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan semua Ketua Setiausaha kementerian Selasa ini bagi menyelesaikan masalah tertunggak di kementerian masing-masing.

"Saya meminta Ketua Setiausaha merujuk semua masalah kelewatan yang dihadapi kementerian masing-masing untuk dibentangkan pada mesyuarat Selasa ini.

"Sesiapa yang mempunyai masalah dengan Perbendaharaan, sama ada kelewatan pembayaran atau prosedur, boleh mengemukakan masalah itu dan akan dibentangkan oleh Ketua Setiausaha kementerian berkaitan," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan mesyuarat agung tahunan Persatuan Francais Malaysia (MFA) di sini, semalam.

Dalam mesyuaratnya dengan Ketua Setiausaha dan pegawai kewangan semua kementerian Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta prosedur birokrasi dipercepatkan bagi membolehkan peruntukan belanjawan tahun ini dibelanjakan mengikut jangka waktu ditetapkan.

Dr Mahathir juga mengarahkan kementerian memastikan kontraktor yang dilantik melaksanakan projek dibayar tepat pada masanya supaya tidak menjejaskan keuntungan mereka dan membolehkan pembayaran kepada sub-kontraktor pembekal dan pekerja dipercepatkan.

Menurut Perdana Menteri, kadang-kadang kontraktor hanya dibayar selepas berbulan-bulan projek disiapkan menyebabkan kos meningkat dan akhirnya kerajaan terpaksa menanggung kos berlebihan.

Dalam mesyuarat itu, Kementerian Kewangan mengemukakan laporan yang mencadangkan beberapa prosedur tertentu dikaji semula.

Mustapa berkata, satu lagi prosedur yang sedang disemak ialah prosedur tender yang dikatakan mengambil masa terlalu panjang.

Katanya, setakat ini beberapa pembaharuan sudahpun dilaksanakan berhubung prosedur tender.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, semakan terhadap kedua-dua prosedur itu adalah antara perakuan yang diluluskan dalam mesyuarat Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negara, baru-baru ini.

Masalah kelembapan pemprosesan dan pelaksanaan prosedur birokrasi dikenal pasti sebagai punca kegagalan kementerian membelanjakan peruntukan belanjawan.

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin baru-baru ini mendedahkan dalam tempoh suku pertama tahun ini hanya 5.3 peratus daripada perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan kerajaan digunakan berbanding 11.1 peratus bagi tempoh sama tahun lalu.

Kerajaan memperuntukkan RM17.361 bilion bagi tujuan pembangunan tahun ini, tetapi berdasarkan pengalaman sebelum ini, hanya antara tujuh dan lapan peratus dibelanjakan dalam tempoh tiga bulan pertama setiap tahun.

(END)